

Ringkasan eksekutif

Pertumbuhan di Asia Memuncul mampu bertahan pada 2023 meskipun perlu menangani pelbagai risiko

Asia Memuncul mampu menangani ketidakpastian global, dengan pertumbuhan dijangka meningkat pada 2023. Ekonomi di rantau ini – sepuluh negara ASEAN, China dan India – telah berjaya mengharungi pelbagai cabaran yang muncul daripada pandemik COVID-19, peperangan di Ukraine selain kelembapan ekonomi global. Sektor eksport telah membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi rantau ini pada 2022, meskipun terdapat sedikit pengurangan baru-baru ini. Dalam keadaan inflasi yang sedang meningkat, sektor perbankan perlu diawasi dengan baik walaupun ia menunjukkan kemampuan untuk bertahan.

Pelbagai risiko masih perlu ditangani oleh negara-negara di rantau ini. Negara-negara ini menghadapi tekanan inflasi, termasuk harga makanan dan tenaga yang lebih tinggi. Gabungan tekanan inflasi dan kadar faedah yang semakin meningkat dalam ekonomi maju telah memberi tekanan pada aliran modal dan mata wang tempatan di rantau ini. Kelembapan ekonomi global dijangka akan melemahkan permintaan dari luar. Keselamatan item makanan spesifik juga boleh menjadi isu, di mana sekatan bekalan akan menyukarkan lagi keadaan dan menaikkan harga barang dan perkhidmatan, yang boleh menjejaskan kedua-dua permintaan domestik dan luar.

Pandemik ini telah mengimpak sektor perkhidmatan ekonomi serantau dengan ketara, dan sektor ini mungkin tidak dapat kembali ke tahap sebelum pandemik dengan cepat. Industri pelancongan dan pengangkutan, termasuk syarikat penerbangan, mungkin mendapati sukar untuk memenuhi permintaan tinggi untuk melancong, meskipun penamatan dasar sifar COVID di China akan mendorong pertumbuhan di rantau ini.

Pemulihan, penyesuaian dan cabaran dalam pelancongan

Sebelum pandemik melanda, industri melancong dan pelancongan di Asia Memuncul sedang memuncak. Pada 2019, sektor melancong dan pelancongan menyumbang 11.7% KDNK dan 13.2% pekerjaan dalam ekonomi Asia Tenggara, dengan 41.8 juta orang memiliki pekerjaan. Sekatan yang dikenakan hampir menghancurkan sektor melancong dan pelancongan, tetapi ia kembali berkembang apabila sekatan ditamatkan. Namun, pemulihan sektor pelancongan akan perlu menangani beberapa cabaran, termasuk mempelbagaikan dan meluaskan pasaran masuk, meningkatkan pelancongan domestik dan menyelesaikan masalah pasaran buruh, selain menyesuaikan keadaan dengan keutamaan pelancong yang telah berubah.

Sumber pelancong masuk boleh dipelbagaikan dengan meningkatkan pelancongan di ASEAN, dan menyasarkan pasaran yang belum diterokai, seperti pelawat dan ekspatriat dari India. Semasa pandemik, pelancongan domestik telah banyak membantu mengekalkan sektor ini. Walaupun sekatan melancong rentas sempadan sudah berakhir, permintaan untuk melancong dalam negara dan "melawat semula"

semakin meningkat. Oleh itu, pelancongan tempatan harus terus diutamakan, khususnya kerana ia tidak terlalu bergantung pada kemasukan pelancong antarabangsa, dan boleh mengurangkan jejak karbon sektor ini.

Menyelesaikan masalah dalam pasaran buruh pelancongan juga penting. Sektor ini merangkumi sebahagian besar perusahaan mikro, kecil dan sederhana, dan perlu menghadapi cabaran seperti isu informal dan pekerja rentan. Sektor tersebut memerlukan sokongan untuk memperoleh, melatih dan mengekalkan kemahiran tenaga kerja. Ini termasuk melatih pekerja pelancongan dalam kemahiran relevan, seperti bahasa, kemahiran digital dan pengurusan hospitaliti; menyokong PMKS tempatan; mendorong komuniti tempatan untuk mengambil bahagian; dan mempelbagaikan tenaga kerja.

Pandemik COVID-19 dan sekatan yang berkaitan juga telah mengubah keutamaan pelancong. Setelah menjalani perintah berkurung, mereka inginkan lebih kebebasan dan semakin tertarik kepada destinasi pelancongan berasaskan alam sekitar, sementara yang lain pula kini lebih tertumpu pada kesihatan dan kesejahteraan, dan meminta lebih banyak perkhidmatan ini.

Mengukuhkan pelancongan yang mampan dan mencepatkan pendigitalan

Kesan daripada pandemik ini telah membuka peluang untuk menaik taraf sektor pelancongan dan hospitaliti dengan mengambil langkah yang mampan dan menggabungkannya dalam ekonomi hijau dan biru.

Strategi pengurusan pelawat dapat menangani isu pelancongan melampau, yang boleh merosakkan tapak dan persekitaran tempatan, dan mengganggu kehidupan penduduk. Menawarkan alternatif khusus seperti ekopelancongan juga boleh menggalakkan amalan yang mampan dan mempelbagaikan sektor. Program pelancongan berasaskan komuniti boleh meningkatkan kemahiran penduduk dan menghidupkan kembali budaya tempatan, dan kini ditawarkan sebagai alternatif pelancongan massa. Perancangan harus mengutamakan usaha untuk mengukuhkan hubungan dan kerjasama perniagaan demi kepentingan bersama, sambil mengurangkan kerugian yang berlaku apabila hasil keluar daripada komuniti.

Penggubal dasar perlu juga mengawasi penggunaan teknologi digital dalam sektor melancong dan pelancongan yang semakin meningkat akibat sekatan pandemik dan kebimbangan kesihatan. Sektor pelancongan kini menggunakan alat digital, seperti platform tempahan dalam talian dan e-dagang, selain media sosial dan pengalaman realiti maya atau terimbuh. Cabaran yang dihadapi di Asia Memuncul termasuk keperluan untuk memperbaiki infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi, keselamatan siber, jurang kemahiran digital dan kekurangan statistik pelancongan yang terharmonis.

Cabaran pelancongan khusus negara di Asia Memuncul

Tinjauan ini merangkumi catatan negara mengenai cabaran dasar yang dihadapi oleh negara-negara Asia Memuncul. Ini termasuk mengekalkan tapak pelancong dan persekitaran, membangunkan infrastruktur dan modal manusia, serta membantu komuniti tempatan memanfaatkan faedah pelancongan. Catatan negara ini turut menerokai inisiatif terkini bagi membangunkan dan menggalakkan pelancongan khusus seperti ekopelancongan, pelancongan berasaskan komuniti, serta pelancongan perubatan dan kesejahteraan, bagi memenuhi keutamaan pelancong yang telah berubah semasa pandemik COVID-19.